

21 AUG 1998

WANITA MALAYSIA HARUS SYUKUR, KATA SITI HASMAH

KANGAR, 21 Ogos (Bernama) -- Golongan wanita di Malaysia harus bersyukur kerana mereka sentiasa dihargai berbanding ketika zaman negara dicengkam penjajah, kata Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali hari ini.

Isteri Perdana Menteri berkata bahawa di zaman penjajah, kaum wanita diabaikan sama ada dalam aspek kesihatan, pendidikan atau ekonomi.

Berucap pada majlis perjumpaan dengan pemimpin pertubuhan wanita seluruh Perlis anjuran Badan Amal dan Kebajikan Isteri-isteri Wakil Rakyat Perlis (Baidunita) di sini, beliau berkata, penjajah hanya mengutamakan kaum wanita di kawasan bandar dan mengabaikan mereka yang di luar bandar.

Banyak wanita luar bandar yang mati semasa bersalin di zaman penjajah. Mereka juga buta huruf dan tidak digalakkan membabitkan diri dalam kegiatan ekonomi.

"Bagamanapun, nasib kaum wanita di negara ini kini jauh berubah dan mereka sentiasa dibantu dalam pelbagai kegiatan," kata Dr Siti Hasmah.

Sebagai contoh, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) telah membantu 46,000 wanita luar bandar dalam kegiatan ekonomi, katanya.

Dr Siti Hasmah mengiringi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dalam lawatan sehari ke Perlis.

-- BERNAMA

RIS MAI